



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
BAHAGIAN KEWANGAN  
ARAS 6 & 7, BLOK E12, KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62604 PUTRAJAYA  
TELEFON: 03 - 8884 6000 NO. FAKS: 03 - 8884 7679 (PEJ. SUB)



"1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Ruj Kami : KP(BKEW)(PK)1574/57/A Jld. 13 (21)

Tarikh : 31 Julai 2013

Semua Ketua Bahagian/ Jabatan  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PINDAAN KEPADA SURAT PEKELILING KEWANGAN (SPK) BILANGAN 1 TAHUN  
2004 – KADAR-KADAR KERAIAN RASMI BAGI AGENSI DI BAWAH  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) selaku Pegawai Pengawal telah bersetuju supaya kadar makan minum mesyuarat yang diadakan di pejabat sebagaimana yang ditetapkan melalui Surat Pekeliling Kewangan Bil. 1 Tahun 2004 (SPK 1/2004) adalah dinaikkan selaras dengan keperluan semasa. Kenaikan kadar tersebut adalah ditetapkan seperti di **Lampiran A (Pindaan) - Jadual "Kadar-kadar Keraian Rasmi KPM"**.

3. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi:

- a) Setiap Bahagian/Jabatan dikehendaki mematuhi sepenuhnya syarat-syarat keraian rasmi sebagaimana ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 1993 (PP 4/1993) di samping memastikan perbelanjaan secara berhemat diamalkan;
- b) Bagi mesyuarat yang dipengerusikan selain daripada Ketua Jabatan, Bahagian/Jabatan perlu membuat kawalan dalaman bagi memastikan perbelanjaan berhemat diamalkan;
- c) Kadar pembelian cenderamata seperti yang ditetapkan dalam SPK 1/2004 dikekalkan;

(Sila catatkan rujukan Kementerian ini bila berhubung)

HOTLINE : 03-7723 7070  
03-8884 7700

FAKS : 03-8884 7701 (Caw. Pentadbiran Kewangan), 03-8884 7509 (Caw. Penilaian & Sistem),  
03-8884 7575 (Caw. Bajet), 03-8884 7611 (Caw. Bantuan)

<http://www.moe.gov.my/bkew>

- d) Kadar dalaman ini digunakan bagi semua Bahagian/Jabatan di bawah KPM yang melibatkan perbelanjaan makan minum bagi mesyuarat-mesyuarat tersebut dengan menggunakan peruntukan sedia ada dan mencukupi; dan
- e) Sebarang pengecualian daripada peraturan yang telah ditetapkan melalui SPK 1/2004 dan pindaan ini hendaklah mendapatkan Kelulusan Khas Pegawai Pengawal atau Perbendaharaan Malaysia melalui Bahagian Kewangan, KPM.
4. Kerjasama YBhg. Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon supaya memanjangkan arahan ini kepada semua Pusat Tanggungjawab di bawah seliaan YBhg. Dato'/Tuan/Puan. Selain itu, pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan adalah diminta supaya mematuhi sepenuhnya pekeliling tersebut bagi memastikan kadar yang digunakan tidak melebihi kadar yang dibenarkan.
5. Kadar baru ini berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan. Dengan berkuatkuasanya pindaan ini, perkara 1, 4 dan 6 di Lampiran A, SPK 1/2004 adalah terbatalkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“MEMPERKASAKAN AKAUNTABILITI, MEMBUDAYAKAN INTEGRITI”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' AB. RADZAK AB. RAHMAN)**

Bahagian Kewangan  
b.p Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
No. Tel : 03-88847474  
No. Fax : 03-88847679  
E-mel : abradzak@moe.gov.my

s.k.

- i. YBhg. Datuk Dr. KSU
- ii. YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. KSU II
- iii. YBhg. Tan Sri KPPM
- iv. YBhg. Dato' KPJPT
- v. YBhg. Dato' TKSU (Pengurusan)
- vi. YBhg. Datuk TKSU (Pembangunan Pelajaran)
- vii. YBhg. Dato' TKSU (Pembangunan Pengajian Tinggi)
- viii. YBhg. Datuk TKPPM (Pembangunan Profesionalisme Keguruan)
- ix. YBhg. Datuk Dr. TKPPM (Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
- x. YBhg. Dato' TKPPM (Operasi Pendidikan)
- xi. YBhg. Datin TKPJPT (IPTA)
- xii. YBhg. Datuk TKPJPT (IPTS)
- xiii. YBhg. Dato' KP, JPP
- xiv. YBrs. KP, JPKK

LAMPIRAN A (Pindaan)

Kadar- Kadar Keraian Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia

Bil	Pengerusi Mesyuarat	Jenis Keraian	Lokasi	Kadar RM
1	Menteri / Timbalan Menteri	Mesyuarat	Pejabat	RM8.00 seorang (jamuan ringan) RM35.00 seorang (makan tengahari) RM45.00 seorang (makan malam)
2	Menteri / Timbalan Menteri	Mesyuarat dan merai tetamu	Hotel/ Premis Luar	RM8.00 seorang (jamuan ringan) RM40.00 seorang (makan tengahari) RM50.00 seorang (makan malam)  Kadar tidak berubah sebagaimana SPK 1/2004
3	Menteri / Timbalan Menteri / KSU / KPPM	Majlis Pelancaran Khas	Luar Pejabat	RM40.00 seorang (makan tengahari / makan malam)
				Kadar tidak berubah sebagaimana SPK 1/2004
4	KSU / KPPM /TKSU/TKPPM	Mesyuarat	Pejabat	RM8.00 seorang (jamuan ringan) RM35.00 seorang (makan tengahari ) RM45.00 seorang (makan malam)
5	KSU /KPPM /Ketua jabatan	Mesyuarat dan merai tetamu	Hotel/ Premis Luar	RM8.00 seorang (jamuan ringan) RM40.00 seorang (makan tengahari ) RM50.00 seorang (makan malam)
				Kadar tidak berubah sebagaimana SPK 1/2004
6	Ketua Jabatan	Mesyuarat / taklimat	Pejabat / Luar Pejabat	RM5.00 seorang (jamuan ringan) RM10.00 seorang (makan tengahari) RM10.00 seorang (makan malam)
7	Ketua Jabatan	Kursus /Bengkel di premis sendiri (tanpa penginapan)		RM12.00 seorang
				Kadar tidak berubah sebagaimana SPK 1/2004